


Kehadiran penceramah motivasi yang masih muda perlu dialu-alukan kerana mereka bakal meneruskan kesinambungan dunia motivasi hari ini, kata pakar motivasi terkenal Profesor Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran.

Mengulas kehadiran Saiful Hadi Baharin, 13, sebagai penceramah motivasi, beliau berkata, ia perkembangan positif dalam dunia motivasi.

Bagaimanapun, katanya, kehadiran mereka perlu seiring dengan ilmu dalam bidang yang mahu dikongsi dengan masyarakat.

"Untuk menjadi penceramah motivasi bukan perkara mudah kerana ia bukan saja memerlukan

Perkembangan positif dunia motivasi



DR Mohammad Shatar Sabran

kepandaian atau kepetahan berkata-kata, malah ilmu yang dikongsi juga perlu seiring dengan audiens.

"Mereka tidak boleh 'terjun' dalam bidang ini dengan hanya berbekalkan satu atau dua kelebihan semata-mata, tapi mesti mempunyai pakej lengkap sebagai seorang penceramah motivasi," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Putra Malaysia berkata, dalam dunia motivasi, penceramah perlu akur bahawa bukan semua tugasannya sesuai dengan segenap lapisan masyarakat.

"Secara umumnya, mereka perlu akur kalau ada faktor tolakan kerana ke-

perluan masyarakat terhadap keperluan motivasi tidak sama.

"Kalau penceramah motivasi rasa mereka boleh diterima dalam apa jua situasi, itu sebenarnya tanggapan salah dan boleh mengundang kepincangan.

"Seorang penceramah motivasi yang baik tidak akan menerima semua undangan secara semberono kerana perlu mengkaji sejauh mana kepararannya agar mereka yang mendengar boleh mendapat manfaat daripada perkongsian itu," katanya.

Dr Mohammad Shatar

berkata, antara kriteria perlu ada pada penceramah motivasi ialah kemahiran berkomunikasi dengan baik.

"Ini bertujuan memberi keyakinan kepada pendengar supaya lebih positif untuk mengikut panduan diberikan penceramah motivasi.

"Pada masa sama, segala perkara yang dikatakan penceramah motivasi mesti disandarkan dengan bukti kukuh atau pengalaman.

"Jika tidak ada asas, ia boleh dilabelkan sebagai manis di mulut semata-mata," katanya.

Info



Secara amnya, dua cara boleh dilakukan untuk menjadi penceramah motivasi yang baik. Pertama, menghadiri ceramah dianjurkan orang lain yang lebih hebat. Penceramah motivasi yang sudah berkelayakan tidak disaran mengikuti kursus anjuran mereka yang kelayakannya lebih bawah kerana ia tidak dapat meningkatkan pencapaian.

Kedua, dengan memperoleh maklum balas daripada penonton ceramah mengenai keberkesanannya.